



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Karl Anderbeck. (2023). Dialektologi Ibanik: Zarah, gelombang dan medan. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 77–111. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.4>

DIALEKTOLOGI IBANIK: ZARAH, GELOMBANG DAN MEDAN

(Ibanic Dialectology: Particle, Wave and Field)

Karl Anderbeck

SIL Island and South Asia

anderbeck@gmail.com

Received:12/4/2022 Revised: 7/2/2023 Accepted:1/4/2023 Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Dialek Ibanik yang tergolong di dalamnya variasi seperti Seberuang, Kantuk, Iban dan Mualang berkongsi fakta historis yang sama, tetapi kurang jelas susur galurnya. Hal ini menimbulkan beberapa persoalan. Seberapa luaskah cakupan rangkaian dialek Ibanik? Apakah ‘gunung’ dan ‘dataran’ utama dalam topografi linguistik yang berbeza dan serupa yang terpakai dalam penamaan dialek Ibanik? Siapakah yang memahami pertuturan siapa? Komuniti mana yang menuturkan dialek sendiri, dan yang mana pula dipaksa menggunakan lingua franca untuk berkomunikasi? Kesemua persoalan ini dibincangkan dari tiga perspektif berteraskan metafora yang dipinjam daripada ilmu fizik, yakni ‘zarah’, ‘gelombang’ dan ‘medan’. Akhir sekali, tulisan ini berhajat untuk mencari titik temu dan perbezaan antara ketiga-tiga perspektif.

Kata kunci: Ibanik, Borneo, ekologi bahasa, topografi linguistik, dialektologi.

ABSTRACT

Ibanic lects, speech varieties including Iban, Seberuang, Kantuk and Mualang, share a clear historical relationship. Yet the nature of that relationship is not always clear. How diverse is the Ibanic dialect network? What are the main 'mountains' and 'plains' in the linguistic topography: which named varieties are most distinct and which are most similar? Who understands whom? Which groups are able to communicate using their own lects, and which are forced to switch to a lingua franca to communicate? This paper examines the Ibanic dialect network from three perspectives: that of 'particle', 'wave' and 'field', and finds insightful but distinct descriptions of the network from all three perspectives.

Keywords: *Ibanic, Borneo, language ecology, linguistic topography, dialectology.*

APAKAH IBANIK?

Ahli¹ fizik menyatakan bahawa cahaya boleh digambarkan secara serentak sebagai zarah, gelombang dan medan. Soalnya ialah bagaimanakah mungkin sesuatu benda atau objek boleh mempunyai tiga set atribut atau sifat yang berbeza pada satu-satu masa? Jika diamati, cahaya ternyata jelas kelihatan menerusi pancaindera, dan dapat juga berfungsi seperti zarah. Dari perspektif lain pula, cahaya boleh dan memang memiliki sifat seperti medan dan matriks. Beberapa dekad yang lalu, Keneth Lee Pike, yang merupakan seorang linguist berbangsa Amerika, melakukan penerokaan terhadap ratusan bahasa di dunia. Yang menarik untuk diungkapkan di sini tentang hasil penelitian oleh Pike ialah beliau dengan lantang menyangkal konsep yang dibawa oleh kelompok reduksionis yang menyakini bahasa adalah seperangkat rumus yang tidak ubah seperti mesin; lihat juga ulasan Shaharir (2022) tentang perkara ini. Pike sebaliknya menyatakan “bahasa adalah gugusan tingkah laku” dan bukan rumus seperti yang dicanang oleh kelompok reduksionis tersebut. Tegas Pike

¹ Versi asal makalah ini dengan judul yang sama merupakan syarahan yang disampaikan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, pada 29 Mac 2018. Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada saudara Mohamad Khairulanwar Abd. Ghani, calon Ph.D di SLCP kerana menterjemahkan tulisan ini ke dalam bahasa Melayu.

(1959), bahasa dan peristiwa lain yang melibatkan manusia boleh dilihat secara metaforikal sebagai zarah, gelombang dan medan. Hipotesis Pike dapat dilihat dalam sebilangan besar tulisan beliau, antaranya Pike (1967). Jelas Pike (1967) dalam tulisan itu, untuk memahami tabii bahasa, ketiga-tiga perspektif yang metaforikal itu perlu disepadukan, kemudian barulah tabii bahasa dapat disingkapkan sejelas-jelasnya.

Bertitik tolak daripada saranan Pike, tulisan ini cuba menyelidiki rangkaian dialek Ibanik di Borneo Barat berdasarkan perspektif zarah, gelombang dan medan. Gugusan dialek Ibanik ini termasuklah variasi pertuturan seperti Iban, Kantuk, Mualang, Seberuang, Ketungau dan lain-lain. Fokus utama kajian ini adalah dialek Ibanik yang dituturkan di wilayah Kalimantan Barat, Indonesia (dalam bahasa Indonesia disebut sebagai Kalbar). Sebelum melanjutkan perbincangan dengan lebih terperinci, ada baiknya jika beberapa tulisan awal mengenai dialek Ibanik disorot ringkas.

Sememangnya diakui bahawa terdapat deretan kajian yang meneliti dialek Ibanik. Namun begitu, makalah ini tidak berhajat memuatkan semua kajian yang ada. Sebaliknya yang menjadi fokus utama adalah kajian yang menyentuh tentang pendefinisian konsep dialek Ibanik secara linguistik, termasuk pelabelan etnik dan penentuan jumlah kumpulan Ibanik, serta kepelbagaian dialeknya. Faktanya, kumpulan Ibanik terbesar dari segi populasi ialah suku Iban. Kebanyakan penutur yang dikenali sebagai 'Iban' ini tinggal di negeri Sarawak, Malaysia, dan juga merupakan suku terbesar di Sarawak, dengan jumlah populasi melebihi 600,000 orang [menurut Lam seperti yang dipetik dalam Chong (2009:97)]. Bukan sahaja di Sarawak, malah suku ini juga merupakan kelompok yang terbesar di KalBar dengan nisbah tiga lawan satu berbanding kumpulan Ibanik lain. Maka, bukanlah sesuatu yang pelik jika rata-rata sarjana linguistik menumpukan minat mereka terhadap bahasa Iban.

Telah lama diketahui dan diakui bahawa variasi pertuturan lain turut menunjukkan hubungan yang dekat dengan bahasa Iban. Selepas melakukan tinjauan dan pemerhatian ilmiah antara tahun 1969 hingga 1970, ahli antropologi A. B. Hudson mencipta istilah Ibanik untuk menggambarkan subkumpulan yang diandaikan menggunakan variasi pertuturan ini. Dalam coretan yang sama, Hudson memberi justifikasi²

² Hudson mengatakan bahawa 'terdapat beberapa kebolehubahan di antara isolek dalam kategori Dayak Malayik, dan di dalamnya mungkin wujud subkumpulan

ringkas tentang variasi pertuturan yang disebutnya itu. Pendapat Hudson tentang Ibanik bagaimanapun ditentang hebat oleh beberapa sarjana linguistik yang lain. Pada pandangan mereka, istilah Ibanik sama sekali tidak sesuai dan agak janggal untuk diklasifikasikan sebagai subkumpulan dalam linguistik bandingan.

Antara tulisan awal yang jelas tidak bersetuju dengan Hudson ialah Nothofer (1988). Nothofer mengemukakan sejumlah besar inovasi leksikal, dan beberapa inovasi fonologi penting untuk subkumpulan bahasa Melayu-Iban.³ Sumbangan Nothofer yang paling besar dan boleh juga dianggap agak kontroversi adalah apabila beliau berjaya menemui refleks Proto Malayo-Polinesia yang berbeza daripada ragam pertuturan Malayik lain, dan refleks berkenaan hilang di tempat lain. Adelaar (1993) tidak bersetuju dengan hipotesis yang dibuat oleh Nothofer. Jelas Adelaar, masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan sedemikian kerana bukti masih belum cukup kuat untuk membezakan antara Melayu dengan Iban dalam kumpulan Malayik. Meskipun kedua-dua sarjana ini (Nothofer, 1995; Adelaar, 2005) telah mengemukakan hujah masing-masing, namun sehingga kini masih belum ada kata sepakat tentangnya. Oleh sebab itu, untuk mengambil jalan yang agak selamat, dalam makalah ini, pengkaji hanya menggunakan istilah kumpulan Ibanik bagi merujuk subjek atau komuniti penutur yang dikaji.⁴

Kumpulan penyelidik *Ethnologue* yang terdiri daripada Lewis, Simons dan Fennig (2013) telah menyenaraikan enam ‘bahasa’ Ibanik (Kod yang digunakan dalam jadual di bawah adalah berdasarkan ISO 639-3, iaitu kod universal yang diterima umum). Berikut ialah perinciannya:

tertentu yang dibatasi oleh perkongsian beberapa inovasi seperti fonologi, leksikal dan tatabahasa. Oleh sebab itu, ahli subkumpulan Ibanik yang terdiri daripada isolek seperti Sebuyau, Mualang, Kantu’, Seberuang dan pelbagai dialek Iban yang terdapat di Sarawak dan Brunei, dengan mudah boleh dikenal pasti berdasarkan ciri fonologi dalam leksikal tertentu, misalnya kehadiran vokal /-i/ pada akhir kata dialek Ibanik sementara /-an/, /-ang/, atau /-ar/ dalam dialek Malayik yang lain.

³ Lihat pendapat Adelaar (1992) mengenai kelompok bahasa Malayik.

⁴ Smith (2017) dalam disertasi yang ditulisnya ada membincangkan isu ini; mungkin dalam makalah yang akan datang, pengkaji akan memasukkan huraian Smith mengenai isu yang diperkatakan ini.

Jadual 1

Bahasa Ibanik dalam Ethnologue

Bahasa	Iso	Negara	Populasi	Dialek
Iban (Dayak Laut)	iba	Malaysia Indonesia dan Brunei	752,000 dalam Malaysia (SIL, 2013) 17,300 dalam Brunei (J. Leclerc, 2004) 15,000 dalam Indonesia (Benjamin & Chou, 2003)	(Malaysia) Batang Lupar, Bugau, Dau, Lemanak, Skrang, Ulu Ai, Undup (Brunei) Batang Lupar, Bugau (Indonesia) Batang Lupar, Bugau, Desa, Kantu', Ketungau (Air Tabun, Banjar, Demam, Maung, Sebaru', Sekapat, Seklau, Sesat, Sigarau)
Balau (Bala'u)	blg	Malaysia	5,000 (Wurm & Hattori, 1981)	
Remun (Milikin)	lkj	Malaysia	3,500 (SIL, 2000)	
Sebuyau (Sibuyau)	nsd	Malaysia	9,000 (Wurm & Hattori, 1981)	
Mualang	mtd	Indonesia	40,000 (Tjia, 2007)	Mualang Ili', Mualang Ulu.
Seberuang	sbx	Indonesia	37,000 (2007 SIL)	

Satu perkara yang menarik tentang maklumat *Ethnologue* ini ialah bahasa Ibanik di Sarawak menunjukkan keragaman yang tinggi. Ini sememangnya maklumat baru yang tidak terdapat dalam mana-mana tulisan hebat oleh sarjana terdahulu mengenai bahasa Iban seperti Ray (1913) dan Chong Shin (2009). Jadual seterusnya pula memaparkan kumpulan Ibanik di Kalbar. Jadual ini adalah rumusan maklumat yang dikemukakan oleh Institut Dayakologi (Alloy et al., 2008). Ia mengandungi angka populasi dan nombor halaman yang semuanya dipetik secara langsung daripada buku tersebut. Etnonim tambahan dinyatakan dalam kurungan. Lokasi yang diberikan adalah kawasan utama yang disenaraikan mengikut daerah (bahasa Indonesia: kecamatan) kemudian mukim (bahasa Indonesia: kabupaten).

Jadual 2

Kumpulan Etnik Iban di Kalimantan Barat (Alloy, Albertus & Istiyani, 2008)

Kumpulan	Populasi Etnik	Halaman	Lokasi
Bugau	4,844	102	Ketungau Hulu, Sintang
Desa ([Dəsa])	41,376	117	Tempunak dan Sepauk, Sintang
Ensilat (Silat)	14,765	124	Silat Hulu, Kapuas Hulu
Inggar (En)Silat Iban	1,400 14,000 ⁵	(Sellato, 1968: 52) (Wadley, 2000: 84)	Kayan Hilir, Sintang Beberapa lokasi, lebih sinonim di Kapuas Hulu
Kantu' (Kantuk)	12,000	(King, 1979:27)	Beberapa daerah, Kapuas Hulu
Ketungau			(Lihat subkumpulan bagi populasi dan lokasi)
(Air) Tabun	3,739	198	Ketungau Tengah, Sintang
Banjur	3,079	198	Ketungau Hilir, Sintang
(bersambung)			

⁵ King (1979: 24) menyatakan angka yang sebaliknya, iaitu 7,000 etnik Iban di Kalimantan Barat.

Kumpulan	Populasi Etnik	Halaman	Lokasi
Begelang	2,351	199	Ketungau Tengah, Sintang
Demam	8,026	202	Ketungau Hilir, Sintang
Embarak	3,473	203	Ketungau Hulu, Sintang
Kumpang	2,201	203	Ketungau Hulu, Sintang
Mandau	400	205	Ketungau Hulu, Sintang
Merakai	3,076	206	Ketungau Tengah, Sintang
Sebaru'	7,235	208	Ketungau Hulu/Hilir, Sintang
Sekalau	4,122	209	Ketungau Tengah, Sintang
Sekapat ⁶	1,280	280	Silat Hilir, Kapuas Hulu
Senangan	1,606	209	Ketungau Tengah, Sintang
Ketungau Sesae'	28,020	210	Sekadau Hulu/Hilir, Sekadau
Mualang	37,627	235	BelitangHulu/Hilir, Sekadau
Rembay (Ramay)	(tidak dinyatakan)		Semitau, Kapuas Hulu
Sebaru' (Sebarok)	(tidak dinyatakan)		Silat Hulu, Kapuas Hulu
Seberuang (Seberung)	7,374	278	Semitau, Kapuas Hulu dan Sepauk serta Tempunak, Sintang
Sekujam ⁷	8,124	283	Sepauk, Sintang dan Sekadau, Sekadau

⁶ Mungkin kita telah terlepas pandang bahawa kumpulan Sekapat sebenarnya telah disenaraikan sebanyak dua kali di dalam buku Mozaik: pertama sebagai subsuku Ketungau (hlm. 209), dan kedua disenaraikan dalam suku yang berbeza (hlm. 280). Walau bagaimanapun, penerangan mengenai isu Sekapat ini telah pun diterangkan dalam perenggan yang lain. Jadi, kita boleh mengandaikan bahawa ia merupakan satu kesilapan teknikal. Oleh itu, memadailah jika kita meyakini Sekapat hanya wujud dalam satu kumpulan sahaja, iaitu Ketungau.

⁷ Seperti juga kes Sekapat, Sebaru' juga turut disenaraikan sebanyak dua kali: pertama sebagai subsuku Ketungau (hlm. 208), dan kedua sebagai suku yang

Jumlah populasi Ibanik di Kalbar dianggarkan kira-kira 214,440 orang, dan jumlah ini tidak termasuk kawasan Rembay dan (Kapuas Hulu) Sebaru'. Di kedua-dua kawasan ini angkanya tidak dapat dicongak secara tepat. Jumlah yang dinyatakan dalam jadual pun sebenarnya tiga kali ganda lebih tinggi berbanding dengan jumlah populasi yang dinyatakan oleh King (1974: 33). King, dalam nada yang kurang pasti, mengagak bahawa terdapat kira-kira '60,000 orang di kawasan tertentu'. Hal ini sedikit membimbangkan kerana angka yang dinyatakan jauh tersasar daripada jumlah sebenar. Soalnya ialah kawasan manakah yang dicongak oleh King? Untuk mengetahui dengan lebih tepat di mana letaknya taburan komuniti penutur Iban yang sebenar, ada baiknya jika lakaran peta oleh Alloy et al. (2008) dan perincian oleh Chong Shin (2009: 99-100) diamati secermat mungkin. Ringkasnya, Jadual 2 merupakan satu percubaan yang dilakukan oleh sarjana linguistik untuk memberi gambaran awal mengenai rangkaian penutur Iban yang terdapat di Sarawak dan Kalimantan Barat. Rangkaian bahasa Iban di Sarawak yang terdiri daripada Iban, Sebuyau, Balau dan Remun merupakan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik Ethnologue (Lewis, Simons & Fennig, 2013), manakala rangkaian bahasa Iban di sebelah Kalbar pula dilakukan oleh kumpulan penyelidik Mozaik (Alloy et al., 2008)

ZARAH, GELOMBANG DAN MEDAN

Kefahaman manusia tentang satu-satu perkara boleh dikembangkan apabila perkara berkenaan dilihat dari perspektif yang berbeza. Contoh yang paling mudah ialah gajah. Apabila kita berfikir tentang gajah, apakah yang terlintas dalam fikiran kita? Mungkin sahaja kita bertanya-tanya bagaimanakah sistem pencernaan gajah berfungsi? Atau, bagaimanakah corak komunikasi yang terjalin antara sekawan gajah, dan bagaimana gajah-gajah tersebut beradaptasi dengan persekitaran baharu? Begitulah sekurang-kurangnya gambaran awal mengenai kemampuan akal manusia apabila digunakan semaksimum mungkin. Dalam konteks ini yang ditekankan adalah kelebihan

berbeza (hlm. 280). Sebagai maklumat tambahan, saya diberitahu oleh penutur Ketungau Hulu Sebaru' bahawa penutur Sebaru' (dengan dialek yang hampir sama) juga berada di kawasan Kapuas Hulu. Jadi, kita boleh mengandaikan bahawa kedua-dua penyenaraian tersebut merujuk kepada kumpulan yang berkaitan. Seperti yang dipaparkan dalam jadual, populasi kumpulan terakhir tidak diberikan, tetapi dikatakan mereka tinggal di tujuh buah kampung yang bercampur dengan Melayu dan Jawa.

merenung dan melihat sesuatu perkara, objek, tabiat atau apa-apa sahaja dari perspektif yang berbeza dan pelbagai.

Secara tabiinya, fikiran manusia disetkan untuk melihat dan berfikir mengenai realiti yang dicocokkan dengan konsep zarah. Maka, ia mengandungi asumsi bahawa setiap entiti dan individu mempunyai sempadan atau batas di sekelilingnya. Contohnya, sedari kecil kita diajar melihat dunia secara terpecah-pecah. Umpamanya, lingkaran masa yang dibahagikan kepada jam, hari, bulan. Malah, kita juga cenderung melihat dunia melalui perspektif negara bangsa, lautan, gunung-ganang, bukit-bukau dan dataran. Rumus yang sama turut terpakai dalam 'dunia' linguistik. Tidak diragui lagi bahawa kita sering kali melihat fenomena linguistik yang berlaku di seluruh dunia secara terpisah. Umpamanya, orang Barat mengaitkan kemampuan berbahasa dengan budaya dan kerakyatan seseorang. Pada mereka, apabila seseorang bertutur dalam bahasa Perancis, maka sudah pasti dia juga tinggal di Perancis. Contoh lain, apabila kita bertemu dengan seorang lelaki berbangsa Rusia, kita pasti dan berharap dia mampu bercakap bahasa Rusia, maka boleh berkomunikasi dengan baik dengan orang Rusia yang lain. Jika kita tidak memahami, malah jauh sekali untuk bertutur dalam bahasa Rusia, maka kita pasti beranggapan yang kita sama sekali tidak dapat memahami perbualan orang Rusia tersebut jika dia berkomunikasi dengan anak perempuannya.

Unit bagi zarah biasanya boleh dipecahkan kepada unit yang lebih kecil dan kompleks. Dalam kes bahasa, ia boleh dipecahkan kepada unit seperti kata kerja, kata nama dan kata sifat. Dari sudut yang lain pula, misalnya geografi, bahasa boleh juga dilihat sebagai terdiri daripada kepelbagaian dialek. Walau bagaimanapun, setiap perspektif atau unjuran konsep tertentu pasti mempunyai limitasi. Hal ini samalah seperti zarah. Hampir mustahil dataran yang landai boleh berubah menjadi gunung dalam satu tempoh masa yang singkat. Maka, apakah yang kita panggil kawasan yang letaknya di antara dua buah bukit? Adakah hari berakhir pada tengah malam atau pada waktu matahari terbenam? Adakah Kashmir sebahagian daripada India? Adakah Catalan mempunyai dialeknya yang tersendiri atau hanya menggunakan dialek daripada bahasa Sepanyol?

Gelombang adalah kebalikan daripada konsep zarah. Fenomena gelombang boleh digambarkan melalui pergerakan bercorak melibatkan dua titik berbeza dalam sebuah tasik atau kolam, iaitu

titik tinggi dan titik rendah. Apabila cahaya dianggap sebagai suatu gelombang, maka secara tidak langsung tabii cahaya juga akan meniru sifat gelombang. Umpamanya, apabila cahaya memantul daripada permukaan, ia seolah-olah seperti haba panas di atas jalan raya yang mengganggu dan menimbulkan riak gelombang. Linguis sedar akan hakikat yang diperkatakan ini. Mereka mengakui bahawa metafora gelombang sangat membantu pemahaman tentang pertuturan dan gelombang bunyi. Memetik Pike (1959: 37-38), ‘pandangan terhadap bahasa melalui perspektif gelombang menjadikan bahasa sesuatu yang dinamik. Dikatakan demikian kerana sifat pergerakan gelombang yang bercampur antara satu sama lain dalam sebuah sistem yang rumit, bertindak dan kompleks menjadikannya sebagai sesuatu yang dinamik.’

Perspektif gelombang ini dilihat sebagai sesuatu yang sangat berguna dalam kajian bahasa terutama fonologi (nukleus dan koda), tatabahasa (kata dan klitik) dan variasi linguistik dalam ruang geografi dan sosial. Tidak lama selepas artikel Pike diterbitkan, William Labov memulakan pengkajian variasi bahasa melalui perspektif gelombang. Labov melihat perbezaan yang berlaku antara dialek sebagai tindak balas gelombang bunyi. Menurut Labov (1963), pemisahan bahasa daripada induknya tidak ubah seperti gerak gelombang yang memperlihatkan hubungan timbal balik antara bahasa-bahasa yang berpisah. Contoh yang biasa digunakan oleh ahli dialektologi ialah pergerakan konsonan uvular /r/ yang bermula sebagai sebutan prestij di Paris telah tersebar sehingga mempengaruhi beberapa dialek di Sweden dan beberapa dialek lain antara Jerman, Holland, Belgium dan Switzerland (Chambers & Trudgill, 1998: 170).

Meskipun amat berguna dan tersohor dalam bidang dialektologi khususnya menerusi teori gelombang, namun perspektif ini masih mempunyai kelemahan. Umpamanya, agak mustahil untuk menentukan di manakah sesuatu gelombang itu akan berakhir dan digantikan dengan gelombang yang baharu. Pike (1967: 79) menyedari perkara ini justeru menukilkan catatan berikut:

Ketidakpastian sempadan meninggalkan beberapa persoalan yang hampir mustahil untuk dirungkai: Di manakah sesuatu segmen itu bermula dan berakhir? – dan memaksa kita untuk menyediakan sebuah teori dan kaedah yang dapat mengenal pasti nukleus sesuatu segmen tanpa perlu tertakluk kepada prasyarat titik akhir

yang rumit. Kami berpendapat bahawa pusat segmen *etic* akan terdiri daripada titik tinggi dan titik rendah gelombang tersebut.

Contohnya, penyampai berita di stesen televisyen menyampaikan berita dengan menggunakan ragam bahasa Melayu baku. Kemudian, apabila dia berinteraksi dengan rakan sekerjanya, dia menggunakan ragam lain. Pada dasarnya kita boleh mengetahui keutamaan tinggi-rendah dialek yang digunakan, misalnya ketika berhadapan dengan kamera (titik tinggi), atau di bilik rehat (titik rendah). Namun, kadangkala agak sukar juga bagi kita mengagak ‘dialek’ apakah yang digunakan oleh seseorang apabila berinteraksi dalam konteks yang tidak formal dan santai.

Contoh penyampai berita tersebut juga boleh dijadikan ilustrasi untuk menerangkan tentang konsep medan. Perspektif medan boleh difahami sebagai imej dan matriks, yakni keseluruhan sistem boleh dilihat dengan jelas. Individu dilihat hanya sebagai sebuah komponen atau gerak laku yang berhubungan dengan komponen lain dalam suatu sistem. Ia tidak ubah seperti mekanisme kapasitor dan transistor dalam sebuah litar yang saling berhubungan untuk menghasilkan cahaya. Penggunaan bahasa Melayu baku dan dialek daerah oleh penyampai berita tidak berubah secara rawak sebaliknya bercorak. Yakni, penggunaan bahasa Melayu baku hanya berlaku dalam situasi yang lebih formal, manakala penggunaan dialek daerah pula dalam konteks yang kurang formal.

Satu disiplin ilmu yang sangat berkait rapat dengan perspektif medan ialah ekologi. Pusat pemerhatian bidang ekologi adalah keseluruhan ekosistem, dan individu pula dilihat sebagai salah satu komponen yang berintegrasi dengan komponen lain dalam matriks perhubungan. Oleh itu, bidang ekologi boleh mengkaji fenomena yang serupa seperti yang dikaji oleh linguistik dan sosiolinguistik, dengan perspektif yang lebih holistik, terarah dan saling berkaitan. Menurut Garner (2005: 95):

The model grows in complexity from there, as various central languages ('planets') orbit a super-central language, and super-central languages may orbit a hyper-central language (like English in today's global ecosystem). Thus, an individual language is set within its niche in a larger cultural complex and seen in relation to the totality.

Louis-Jean Calvet ialah seorang ahli bahasa yang kerap mengkaji fenomena linguistik dari perspektif medan dan ekologi. Model *galaxy of languages* (Calvet, 2006:58ff) memberikan ilustrasi yang berguna menurut pandangan ini. Calvet memulakan perbincangan dalam bukunya dengan sebuah pertanyaan praktis, iaitu ‘bagaimana keseluruhan bahasa secara realiti dapat dibentangkan sedemikian rupa sehingga hubungan antara bahasa – antara semua bahasa di dunia - dihormati?’

Jawapan yang diberikan oleh Calvet cukup mudah. Beliau menyarankan agar manusia melihat bahasa yang ada di dunia ini sebagai gugusan buruj, yang menegaskan bahawa penutur ragam B, C dan D diandaikan sebagai dwibahasa bagi ragam A yang lebih dominan. Hal ini persis seperti bulan yang mengorbit planet. Planet yang lebih besar dimetaforakan sebagai ragam yang lebih dominan, manakala planet yang kecil pula adalah ragam yang kurang dominan. Model ini kemudian berkembang menjadi lebih rumit apabila bahasa tinggi (planet) mengorbit bahasa super, dan bahasa super pula mungkin mengorbit bahasa yang hiper seperti peranan bahasa Inggeris dalam ‘ekosistem’ bahasa global hari ini. Oleh hal yang demikian, bahasa individu ditetapkan menurut lingkungan posisi dalam kompleks budaya yang lebih besar dan dilihat berhubungan dengan keseluruhan komponen yang ada. Dalam perspektif lapangan, persamaan struktur antara ragam pertuturan dan kecekapan yang diperoleh melalui hubungan yang terbina tidak boleh dipisahkan. Apa yang penting ialah corak komunikasi multidialek dan bahasa bahasa yang terhasil. Jadual 3 berikutnya adalah ringkasan tiga perspektif usulan Pike yang dipetik daripada Beaugrande (1991:139).

Jadual 3

Perspektif Pelengkap Bahasa dan Tingkah Laku

Aspek	Zarah	Gelombang	Medan
Kesalinghubungan antara unit	diskret	berterusan	tersusun
Mod	ciri-ciri	manifestasi	distribusi
Perspektif	statik	dinamik	fungsional

Perenggan yang berikutnya merupakan contoh bagaimana rangakaian kumpulan bahasa Ibanik boleh difahami melalui perspektif zarah, gelombang dan medan.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Dua metodologi asas yang digunakan dalam kajian ini adalah pengumpulan data dan analisis yang melibatkan perbandingan data linguistik serta data sosial yang berkaitan dengan interaksi antara penutur dialek yang berbeza. Disebabkan beberapa kekangan yang ada, seperti kekurangan modal dan hambatan waktu, maka fokus pengkaji dalam kajian ini lebih tertumpu kepada struktur dialek dan pengaruh aspek sosial terhadap unsur strukturalnya.

Untuk menjejaki inovasi dan retensi dalam data linguistik yang diperoleh, pengkaji memanfaatkan Proto Malayik yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992). Selain kaedah kualitatif, pengkaji turut menerapkan analisis statistik⁸ bagi memaparkan angka yang tepat mengenai dapatan yang diperoleh. Kaedah leksikostatistik dalam kajian dialektologi memang diperakui berkesan oleh kebanyakan linguist dalam memberikan perincian yang memuaskan dari sudut pandang sinkronik dan diakronik. Pada tahap sinkronik, kaedah ini berupaya menyingkap tabii sebenar ragam pertuturan yang dikaji, malah trend komunikasi sosial yang melibatkan dialek juga dapat diketahui. Data yang telah dianalisis kemudiannya diproses dengan menggunakan perisian *WordSurv*. Tujuannya untuk mendapatkan jangkaan statistik yang tepat. Setelah selesai proses tersebut, angka-angka tersebut dipersembahkan dalam bentuk ilustrasi yang berupa model dialek 3D atau tiga dimensi yang dihasilkan dengan menggunakan program *Splits-tree* (Huson, 1998).

Data linguistik utama yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada pelbagai sumber yang berbeza: senarai perkataan yang mengandungi leksem yang berbeza dan kualiti, ketepatan dan perincian fonetik yang berbeza-beza. Untuk lebih jelas mengenai data⁹ yang digunakan, cuba lihat jadual 4 berikutnya. Jadual itu secara terperinci memuatkan beberapa maklumat berkaitan data seperti kampung yang menjadi kawasan lapangan untuk memungut data, jumlah item yang digunakan untuk tujuan perbandingan, jumlah item asas senarai kata

⁸ Kaedah perbandingan yang digunakan dalam kajian ini tidak begitu rumit kerana pengkaji hanya bergantung kepada analisis perbandingan yang pernah dilakukan oleh Nothofer, Adelaar, Collins and Chong Shin.

⁹ Malangnya, set data lengkap yang pernah digunakan oleh Collins (2004) dan Chong Shin (2006, 2009) dalam kajian mereka, yang pastinya jauh lebih lengkap perincian dan daftar katanya tidak dapat dimanfaatkan dalam tulisan ini.

Austronesia yang digunakan bagi analisis leksikostatistik dan sumber data tersebut diperoleh.

Jadual 4

Sumber Data Linguistik

Ragam Pertuturan	Kampung	Item	Item Ban	Sumber
Proto Malayik	Tidak diketahui	292	196	(Adelaar, 1992)
Bahasa Indonesia standard	Tidak diketahui	602	205	(Adelaar, 1992)
Bahasa Sekadau (ML)	Sungai Ringin	317	195	(Collins, 1997)
Sintang ML	Sintang	265	205	(Sellato, 1986)
Lebang	Nyangkum	263	202	(Sellato, 1986)
Mualang	Balau Lambing	341	201	Data lapangan oleh Nothofer
Desa	Pelai'	265	205	(Sellato, 1986)
Desa	Kebong	198	166	(Kurniawati, 2002)
Seberuang (Sintang)	Libau	279	205	Data pengkaji
Sekujam	Sirang Setambang	272	203	Data pengkaji
Sekubang	Andung	286	203	Data pengkaji
Ketungau Sesat	Landau Kodah	197	163	(Kurniawati, 2002)
Ketungau	Kenuak	194	161	(Kurniawati, 2002)
Ketungau	Margahayu/Lujuk	197	164	(Kurniawati, 2002)
Sebaro'	Sepiluk	197	164	(Kurniawati, 2002)
Kantuk (SE)	Jelemuk	196	164	(Kurniawati, 2002)
Kantuk (NE)	Lawik	197	163	(Kurniawati, 2002)
Kantuk (NW)	Sagih	209	177	(Kurniawati, 2002)
Iban	Kerurak	196	165	(Kurniawati, 2002)
Iban	Sarawak	207	202	(Adelaar, 1992)
Iban	Semtau	421	186	(Stokhof, 1986)
Kapuas Hulu ML	Riam Panjang	280	200	(Yusriadi, 2007)

Selain kumpulan bahasa Ibanik, pengkaji turut memasukkan beberapa bahasa bukan Ibanik dalam perbandingan leksikostatistik. Tujuannya untuk menonjolkan betapa rencam dan pelbagai dialek Ibanik yang dikaji. Ragam pertuturan Ibanik dalam jadual ditandakan dengan tulisan tebal. Untuk merungkai persoalan berkaitan aspek sosial dan dialek dalam kajian ini, pengkaji menjadikan tatakaedah oleh Hasselbring (2012), Truong dan Garcez (2012) yang dikenali sebagai Pemetaan Dialek sebagai pedoman. Meskipun begitu, sedikit pengubahsuaian dilakukan agar tatakaedah ini sesuai dengan

konteks masyarakat setempat di Kalbar. Ringkasnya, Pemetaan Dialek (seterusnya akan diringkaskan sebagai PD) merupakan satu alat yang memerlukan penyertaan komuniti setempat (Kumar, 2002) untuk menghurai dan menganalisis persepsi mereka terhadap apa-apa sahaja yang berkaitan dengan ragam pertuturan yang digunakan di kawasan mereka. Beberapa persoalan lain turut dirungkai dengan menggunakan tatakaedah ini, umpamanya tahap kesalingfahaman mereka, bahasa apakah yang digunakan untuk berinteraksi dengan komuniti yang lain, dan jika sebuah karya bertulis ingin dihasilkan dalam ragam pertuturan tertentu yang difahami, maka ragam yang manakah yang menjadi pilihan.

RAGAM IBANIK DARI PERSPEKTIF MEDAN (EKOSISTEMIK)

Pengkaji akan memulakan perbincangan tentang rangkaian dialek Ibanik dari perspektif medan terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana perspektif medan mampu memberi gambaran yang komprehensif dan menyeluruh justeru turut mencakupi perspektif lain, iaitu zarah dan gelombang. Untuk itu, pengkaji menjadikan potret kalbar dan Sarawak sebagai ‘buruj bahasa’ dengan tujuan untuk memberi gambaran mengenai ragam Ibanik dengan lebih jelas.

Komuniti Bahasa Ibanik di Kalimantan Barat

Kalimantan Barat (Kalbar) boleh digambarkan sebagai sebuah wilayah yang unik dan istimewa. Mana tidaknya, meskipun ia mempunyai jumlah populasi penduduk yang kecil, tetapi kawasan ini dikelaskan sebagai multidialek dan multibahasa. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan beratus-ratus ragam pertuturan di kawasan tersebut. Chong Shin, dalam beberapa penerbitan awalnya (antaranya Chong, 2002; 2005; 2007), ada membuat tinjauan mengenai penggunaan bahasa dalam kalangan minoriti orang Cina di kawasan pasar bandar Sekadau. Menurut Chong, orang Cina menguasai lebih daripada dua ragam pertuturan. Penutur bahasa Cina juga mempunyai kecekapan natif atau hampir natif dalam dialek setempat mereka, iaitu Hakka. Kemampuan berbahasa mereka tidak terbatas setakat itu sahaja, malah turut menunjukkan kecekapan yang sangat baik dalam bahasa Melayu Sekadau, Indonesia dan kadang kala dalam bahasa yang lain juga. Biasanya penutur Cina menggunakan dialek Hakka apabila

berkomunikasi dengan bangsa Cina lain. Apabila bertemu dengan orang Melayu Sekadau, mereka mengubah ragam pertuturan kepada dialek Melayu Sekadau. Begitu juga ketika berkomunikasi dengan orang luar, lazimnya mereka menggunakan bahasa yang lebih bersifat universal, iaitu bahasa Indonesia.

Panorama bahasa di Kalbar bertambah rumit apabila berlaku kontak linguistik antara kampung yang kemudian merencamkan lagi ragam pertuturan yang sedia ada. Dalam hal ini, coretan oleh Collins (2005) mengenai orang Benawas mungkin boleh dijadikan contoh. Jelas Collins, keadaan multibahasa orang Benawas (yang tinggal tidak jauh dari pekan Sekadau) terserlah apabila mereka mampu bertutur dalam pelbagai ragam termasuk dialek mereka sendiri, ditambah dengan dialek 'jiran' mereka, umpamanya Kerabat dan Sekujam, dan bersekali dengan bahasa Indonesianya.

Apakah yang akan berlaku jika kita menerapkan model galaksi bahasa atau *Galaxy of language* ciptaan Calvet dalam ekosistem linguistik di Kalbar? Secara kasar, model ini dilihat berupaya menjelaskan dan memberi gambaran tentang masa depan penggunaan bahasa di Kalbar. Jika kita mengambil contoh ragam bahasa di kawasan Kapuas yang terletak jauh di hulu, yakni di kawasan bahasa-bahasa yang berbeza seperti Taman dan Iban, kita dapat melihat bahawa ketika mereka berada di pusat wilayah seperti Putussibau, penutur-penutur bahasa ini kerap bertukar ragam pertuturan kepada bahasa Melayu apabila mereka bercakap antara satu sama lain (Yusriadi, 2009: 32). Untuk itu, kita boleh mengatakan bahasa Melayu mendukung fungsi sebagai 'planet' yang diorbit oleh 'bulan'. Jika difikirkan, ternyata fenomena ini juga semacam hierarki yang bersifat simetri: yakni, penutur Hovongan akan belajar bahasa Melayu, tetapi penutur bahasa Melayu tidak akan belajar Hovongan. Apakah magnet tarikan yang ada pada bahasa Melayu sehingga menyebabkan Hovongan dan Kayan berputar di sekelilingnya dan bukan sebaliknya? Calvet (2006: 63) mengemukakan faktor seperti populasi penduduk dan kuasa. Dalam kes ini, orang Melayu seakan-akan dihormati dan dipandang tinggi oleh kelompok komuniti yang lain kerana kebanyakan sektor seperti perdagangan, ekonomi dan ketenteraan dikawal oleh orang Melayu (Sellato, 2006).

Dari segi sejarah, penutur bahasa Melayu di kawasan hulu turut dikaitkan dengan dunia perdagangan dan komunikasi yang lebih luas

melalui bidialektalisme dengan Melayu Hilir (lebih bersifat sejagat). Kedudukan Tahap 2, dalam istilah Calvet, kini telah diambil alih oleh bahasa Indonesia yang merupakan bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa Tahap 1 (*hyper*) mendukung fungsi yang lebih luas dan sifatnya 'lebih terprogram' berbanding bahasa daerah yang sifatnya lebih kepada 'pemerolehan secara spontan' (Calvet, 2006: 60), Bukan itu sahaja, bahasa Inggeris juga turut diperoleh secara spontan melalui medium media massa, papan tanda dan sebagainya.

Mungkin kita tertanya-tanya sejauh mana cahaya yang dipancarkan oleh model graviti seperti situasi di Benawas atau rangkaian dialek Ibanik boleh ditembusi. Calvet, dalam bukunya (rujuk ulasan buku oleh Bloomaert & Lin, 2007: 429), turut mempersoalkan perkara yang sama. Calvet mengkritik modelnya sendiri dengan meragui perspektif 'zarah' yang diciptanya dalam usaha membuat perbandingan antara bahasa dengan objek-objek cakerawala yang bersifat diskret. Apakah yang boleh kita fahami melalui kes interaksi antara Benawas dan Kerabat? Adakah kedua-duanya merupakan 'bulan' yang sama atau berasingan? Soalnya, adakah metafora ciptaan Calvet tersebut boleh dikembangkan bagi memasukkan lebih banyak objek lain yang terdapat di cakerawala dan adakah ia membantu terhadap pemahaman kita mengenai bahasa? Tegas Calvet:

The gravitational pull of Indonesian, the job advantages, the socializing with ever increasing numbers of outsiders, its status as a relatively unmarked language ethnically and religiously, threatens to remove a level from the Kalbar 'galaxy'. In the traditional schema:

Status bahasa Melayu di wilayah Kalbar agak membimbangkan. Dengan berlakunya penyebaran yang ketara bahasa Indonesia dan Inggeris melalui pembelajaran terprogram dan spontan telah sedikit sebanyak menggugat status bahasa Melayu di wilayah Kalbar. Kekuatan daya tarikan graviti yang ada pada bahasa Indonesia, selain peluang pekerjaan yang tinggi, ditambah pula dengan peningkatan kontak linguistik dari luar, secara tidak langsung menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa etnik dan agama, justeru dikhuatiri akan lenyap daripada 'galaksi' Kalbar. Projeksi ini dapat digambarkan menerusi skema berikut:

(Tahap 4) Bahasa tempatan → (Tahap 3) Bahasa Melayu tempatan
→ (Tahap 2) Bahasa Indonesia/Melayu

Ragam bahasa Melayu yang sekarang berada pada Tahap 3 mungkin suatu ketika nanti digantikan dengan bahasa Indonesia dan statusnya berganjak kepada Tahap 4. Data pemetaan dialek menunjukkan ramalan masa depannya yang amat kelam. Di kebanyakan kawasan, ketika ditanya penutur bukan Melayu (Dayak), apakah bahasa yang digunakan mereka untuk bertutur dengan orang dayak yang lain? Rata-rata daripada mereka berkata bahawa mereka lebih selesa berkomunikasi dalam bahasa Indonesia dan bukan bahasa Melayu tempatan. Tidak kurang juga, terdapat sebahagian kecil orang Dayak ini mendakwa bahasa Melayu tempatan terlalu sukar difahami. Oleh sebab itu mereka lebih cenderung menggunakan bahasa Indonesia walaupun dengan orang Melayu sendiri.

Komuniti Bahasa Ibanik di Sarawak

Pengkaji tidak berhajat untuk bercerita secara panjang lebar tentang komuniti bahasa di Sarawak kerana keadaannya hampir sahaja sama dengan Kalbar. Walaupun begitu, terdapat beberapa beberapa fenomena di Sarawak yang dirasakan menarik untuk dicoret di sini. Salah satunya ialah bahasa Iban di Sarawak bersaing dengan bahasa Melayu Sarawak untuk mendapatkan status bahasa *lingua franca* (Tahap 3) (Omar & Seong, 1995: 117). Walaupun bahasa Iban mendapat tempat istimewa dalam kumpulan bukan Islam sebagai bahasa sesama Dayak, namun bahasa Melayu Sarawak, melalui peranannya sebagai bahasa kebangsaan, pentadbiran dan pendidikan, secara tidak langsung telah menghakis kedudukan bahasa Iban sebagai bahasa *lingua franca*. Pada peringkat yang lebih tinggi, akibat daripada kesan penjajahan dahulu, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu saling bersaing untuk menduduki tempat sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa rasmi, yang seterusnya telah menghasilkan sedikit pergolakan dalam ekologi linguistik. Pergolakan ini menjejaskan kedudukan bahasa Iban dalam ekosistem linguistik kerana bahasa Inggeris dilihat sebagai pelengkap dan bukannya musuh kepada bahasa Iban (berbeza dengan bahasa Melayu).

Kedudukan bahasa Ibanik bukan standard di Sarawak seperti Remun, Balau dan Sebuyan masing-masing berada pada Tahap 4. Biasanya penutur lebih banyak menggunakan ragam pertuturan yang lain seperti

Iban dan bahasa Melayu Sarawak sebagai bahasa *lingua franca*. Hal ini secara tidak langsung telah memberi ruang kepada bahasa Iban dan bahasa Melayu Sarawak untuk berasimilasi ke dalam komuniti bahasa mereka dan fenomena ini merupakan sesuatu yang membimbangkan kerana bahasa-bahasa etnik ini mungkin akan ditenggelami oleh ‘orbit’ bahasa Iban. Hal ini telah pun berlaku kepada bahasa Balau dan Remun (Akter, 2008).

RAGAM IBANIK DARI PERSPEKTIF GELOMBANG

Bagaimanakah rangkaian ragam Ibanik dapat digambarkan melalui perspektif gelombang? Dalam keterbatasan ruang yang ada, pengkaji hanya menampilkan secara ringkas analisis perbandingan para sarjana yang disebutkan pada perenggan awal yang lalu. Berdasarkan Hudson (1970), ciri yang paling menonjol ialah inovasi tanpa syarat bagi segmen akhir pada kata dalam Proto Malayik (seterusnya akan diringkaskan sebagai PM) seperti **-an*, **-an* kepada *-ay* (sebahagiannya *-aw*), dan inovasi beberapa segmen PM **-as* kepada *-aw*. Contoh yang lain ialah PM **tərbay* ‘terbang’ > Iban *tərabay*, dan PM **jalan* ‘jalan’ > Iban *jalay*. Sebagai tambahan kepada usaha yang dilakukan oleh Hudson ini, Nothofer (1988) dan Adelaar (1992) menambah perincian mengenai kehilangan PM **d* di awal kata dan kehilangan PM **r* (atau Proto-Malayo-Polynesian **R*) di awal, tengah dan akhir kata. Melihat kepada data, pengkaji menjumpai beberapa kata yang mempunyai penyebaran (penggunaan) yang luas dalam kalangan penutur ragam Ibanik tetapi tidak terdapat di tempat lain. Jadual 5 yang berikut memaparkan senarai kata yang dimaksudkan itu dengan sedikit penjelasan tambahan.

Jadual 5

Leksem Ibanik

Glos	Perkataan	Ulasan
Menangis	<i>sabak</i>	Hampir semua IB, tidak kedengaran di tempat lain
Baring	<i>gali?</i>	Hampir semua IB, tidak kedengaran di tempat lain (Kapuas Hulu; galay)
Besar	<i>bəsay</i>	Hampir semua IB, juga terdapat di Lebang

(bersambung)

Glos	Perkataan	Ulasan
Ayah	<i>apay</i>	Semua IB, jarang muncul di tempat lain kecuali Ketapang
Memburu	<i>ŋ-asu?</i>	Kebanyakan IB, tidak kedengaran di tempat lain
Kecil	<i>mit</i>	Kebanyakan IB. Juga terdapat dalam Brunei ML
Nampak	<i>pəda?</i>	Kebanyakan IB, tidak kedengaran di tempat lain
Anjing	<i>ukuy</i>	Kebanyakan IB, juga terdapat di Lebang
Bawah	<i>baruh</i>	Umum dalam IB, juga terdapat di Lebang
Jika	<i>ənti</i>	Kebanyakan dalam IB
Tidak	<i>naday</i>	Hampir semua IB, tidak kedengaran di tempat lain
Tiup	<i>səpu</i>	Kebanyakan IB, tidak kedengaran di tempat lain
Tidur	<i>tinduk</i>	Hampir semua IB, mempunyai satu refleks dalam Ketapang
Jahat	<i>jai?</i>	Semua IB, juga kedengaran di Kalimantan Tengah
Minim/ hirup	<i>irup</i>	Hampir semua IB, hanya kedengaran di Kalimantan Tengah
Benar	<i>amat</i>	Hampir semua IB, juga tersebar sehingga ke Melawi

Selain yang disenaraikan, masih banyak lagi perkataan yang tidak menunjukkan corak penyebaran yang sekata dalam pelbagai subset bagi ragam Ibanik; malah terdapat juga perkataan yang melangkaui sempadan Ibanik justeru muncul dalam ragam berdekatan. Biasanya, perkataan berkenaan muncul dalam ragam Ibanik di Kapuas Hulu atau Sarawak sahaja, juga dalam ragam bukan Ibanik. Pada suatu masa dahulu, ragam Ibanik ialah seperti perkataan *tumba?* ‘menggali’, *iba?* ‘ular’, *səkut* ‘sempit’ dan *jako?* ‘katakan’, dikongsi bersama dengan ragam Melayu Hulu Kapuas. Dari perspektif zarah, seseorang mungkin mengharapkan corak yang lebih jelas dan praktis, dan mungkin fenomena yang ditampilkan dalam contoh lain dianggap tidak sesuai atau pelik. Namun, jika rangkaian dialek Ibanik dilihat menjalankan fungsi sebagai sumber dan penerima pelbagai gelombang pengaruh lain, maka kesannya boleh dianalisis sebagai gelombang. Contoh yang paling dekat adalah fenomena di Desa dan Lebang yang berkongsi kebanyakan leksem. Hal ini berlaku disebabkan kedudukan geografi kedua-dua tempat tersebut yang sangat dekat, selain hasil

perkongsian status mereka sebagai suku serahan (menyerah) kepada kerajaan Sintang pada suatu masa dahulu (Sellato, 1986; Anderbeck & Sellato, 2015).

Selain perbezaan leksikal, inovasi fonologi juga boleh dijadikan bukti kuat tentang perbezaan antara kumpulan Ibanik dengan kumpulan dialek Malayik. Untuk lebih jelas tentang hal yang diperkatakan ini, ada eloknya jika dapatan Rahim Aman (2006) dan Chong Shin (2009) dibelek. Rahim Aman (2006) membincangkan isu ini untuk dialek Iban, Mualang dan Kantuk. Akan tetapi, jika dibandingkan dengan kajian Chong (2009), ternyata kajian Chong lebih komprehensif tentang inovasi dalam kumpulan Ibanik, sekurang-kurangnya di sebelah sempadan Indonesia. Beliau membincangkan refleks PM **r* dan **s* pada akhir kata, diftongisasi vokal tinggi, geluncuran vokal dan monoftongisasi, pengekatan kontras antara **k* dan **ʔ*, dan ciri khas dialek Ibanik, iaitu gabungan nasal-diftong yang muncul pada akhir kata. Jadual 6 ialah ringkasan pengkaji tentang inovasi yang dibincangkan oleh Chong.

Jadual 6

*Inovasi Fonologi Bahasa Iban oleh Chong Shin (2009) (Item yang bertanda asterik * adalah data daripada Collins 2004)*

VARIAN	*r (umum)	Pengguguran *r (awal dan akhir)	*-an dan lain-lain	Diftong dengan vokal tinggi	Geluncuran vokal	*-s
Ketungau Sesat	ɣ*	ʔ	ã:	ya*	sebahagian dialek	h
Seberuang Sintang	ɣ	ya	ay	ya	ya	ç
Desa	ɣ	ya (lengkanan)	ay*	ya*	ya*	s/h ¹⁰
Sekunjam	ɣ	akhir				
Demam	ɣ	tidak	a ^ɛ y	ya	ya	ç
Kantuk	ɣ	tidak				hʔ
Selupai	(prob.<ML)					
Kantuk Telutuk	r	tidak		ya		hʔ
Sebaru'	ɣ	tidak	ey	ya	ya	ç

¹⁰ Refleks bagi dialek Desa, iaitu PM **-s* tidak dinyatakan dalam tulisan Chong Shin (2009). Ciri tersebut sebaliknya dipetik daripada tulisan Collins (2004:30–31), yakni kemunculan konsonan **s* di akhir kata muncul di Desa Lengkanan, manakala h di Desa Baning Pendek.

VARIAN	*r (umum)	Pengguguran *r (awal dan akhir)	*-an dan lain-lain	Diftong dengan vokal tinggi	Geluncuran vokal	*-s
Bugau	κ	tidak	a ^e y	ya	ya	h
Mualang	κ	tidak	ay	ya	ya	s
Banjur	κ	tidak	ay	ya	ya	ç
Iban	r	tidak		ya		h
Keladan						
Iban	r	tidak				h
Kelawe'						
Iban	r	tidak				h
Lundu						
Iban	r	tidak				h
Samarahan						

Petak yang digelapkan dalam jadual ini menunjukkan ketiadaan maklumat, sama ada dalam tulisan Chong (2009) mahupun Collins (2004). Maklumat tambahan yang tiada dalam jadual ialah gejala monoftongisasi bagi vokal yang hadir secara berurutan dalam Bugau, contohnya *jo:h < PM *jauh* 'jauh'. Juga tidak dinyatakan dalam jadual ialah kontras bagi fenomena geluncuran sebelum konsonan *k* dan *ʔ* dalam Mualang yang dibincangkan oleh Chong. Tambah Collins (2004:32), geluncuran sebelum *k* dan *ʔ* nampaknya telah berasimilasi umpamanya dalam Ketungau Sesat, Sebuyau dan mungkin juga Desa.


Tujuan dimasukkan data dialek bukan Ibanik dalam jadual adalah untuk memberi gambaran sebenar tentang fenomena bahasa di kawasan yang terlibat. Hal ini juga secara tidak langsung memahamkan kita tentang 'gelombang' inovasi fonologi yang berbeza telah menjejaskan pelbagai subset dalam rangkaian dialek Ibanik. Yang menarik untuk dinyatakan di sini adalah kemunculan inovasi **-an* yang berlaku dalam Ketungau Sesat. Bermula daripada diftong, refleks moden menggantikan vokal nasal panjang dengan nasal akhir. Soalnya, adakah fenomena ini merupakan perkembangan sekunder? Isu ini perlu ditangani kerana refleks nasal panjang kepada nasal akhir, walaupun memberikan petunjuk kepada asal usul inovasi Ibanik, tampak sedikit pelik dan membingungkan. Walau apa pun isunya, fenomena yang dipaparkan dalam Jadual 6 meyakinkan kita tentang satu hal, iaitu fenomena gelombang memang berguna untuk memahami rangkaian dialek Ibanik dengan lebih jelas.

Analisis leksikostatistik menunjukkan corak rangkaian yang agak pelbagai. Pada satu sisi, terdapat sarjana yang menganggap statistik tidaklah begitu kuat justifikasinya untuk membenarkan fakta bahawa

dialek Ibanik adalah sebahagian daripada subkumpulan dalam jaringan linguistik di Borneo Barat (Collins, 2004: 35). Walaupun dialek Ibanik hanya digolongkan sebagai subkumpulan yang kecil, namun satu hal yang perlu kita akui adalah gelombang perubahan dan kontak linguistik yang dibawahnya sangat besar, bahkan kesannya boleh dilihat hingga hari ini. Faktanya, di peringkat yang lebih bawah, terdapat korelasi rapat antara geografi dengan persamaan leksikal antara dialek. Fakta ini sememangnya merupakan perkembangan yang semula jadi menurut perspektif gelombang. Umpamanya, mereka yang berada di kawasan Kapuas Tengah lebih ‘rapat’ secara leksikal antara satu sama lain berbanding mereka yang hidup di Kapuas Hulu. Generalisasi lain yang boleh dibuat ialah kewujudan kepelbagaian leksikal nampaknya paling rencam berlaku di hujung barat daya Kalbar. Jika benar, maka kepelbagaian leksikal dilihat semakin mengecil apabila memasuki sempadan Kapuas Hulu dan akan bertambah mengecil apabila menghampiri Sarawak. Di tahap yang lebih rendah, Kantuk dan Iban menunjukkan hubungan yang sangat akrab (leksikal), manakala dua contoh senarai bagi Desa menunjukkan jarak keakraban yang agak jauh antara satu sama lain. Matriks leksikostatistik dirumuskan dalam bentuk gambar rajah *NeighborNet* dihasilkan oleh Splitstree (Huson, 1998) adalah seperti berikut.

Rajah 1

Hubungan Kelompok Ibanik



Keterangan rajah adalah seperti ini. Apabila kita bercakap dengan orang dalam rangkaian dialek yang sama tentang bahasa manakah yang mereka fahami? kita dengan mudah mendapati bahawa pada waktu itu kita sedang berada di sempadan dialek yang kabur. Jika puncak gelombang menandakan pemahaman yang sempurna dan titik rendah menandakan tiada pemahaman, hal ini secara tidak langsung mewujudkan pelbagai kemungkinan. Dalam kes yang dibincangkan ini, penutur Mualang bersetuju bahawa mereka boleh memahami penutur Mualang yang lain tanpa sebarang kesulitan, tetapi agak sukar untuk memahami penutur Ketungau. Tambah mereka lagi, tahap kesalingfahaman mereka bertambah rumit apabila mereka bertemu dengan penutur Sekujam dan Ketungau Sesat, sehingga kadang kala mereka tidak dapat memahaminya sama sekali. Sekujam dan Sesat Ketungau dinilai oleh penutur Mualang hampir sama sukar.

Satu fenomena yang dirasakan wajar disentuh juga ialah penilaian tentang pemahaman yang agak rendah terhadap Iban Sarawak oleh penutur Ibanik Kalbar. Walaupun penutur Kantuk dan Bugau menilai Iban sebagai ragam yang tidak terlalu sukar, namun kumpulan lain seperti Sekujam, Seberuang Sintang, Mualang dan Ketungau Sesat biasanya menilai Iban sebagai 'boleh faham sedikit sahaja'. Di Sarawak, pemerhatian awal tentang kebolehfahaman ialah Iban dan Melayu dianggap saling tidak boleh difahami, dan oleh itu dikelaskan sebagai 'bahasa' yang berbeza (Sercombe, 2001: 323). Beralih kepada ragam Iban lain di Sarawak, keadaan dilihat lebih bertambah kabur. Mungkin kita tertanya-tanya, ragam Ibanik manakah paling jauh daripada Iban 'standard', atau dalam bahasa mudahnya, sukar difahami? Beberapa sarjana mempunyai hujah masing-masing tentang hal ini, dan kesemuanya saling bercanggah. Sebuyau dan Milliken (Remun) muncul dalam edisi pertama *Ethnologue* (Grimes, 1974), manakala Balau (Chuck Fennig kom. per.) hanya muncul dalam edisi ke-11 (Grimes, 1988).

Penamaan ketiga-tiga dialek ini secara tidak langsung menuntut kita untuk menilai kembali generalisasi yang dibuat oleh kumpulan penyelidik *Ethnologue* ini. Antara keraguan yang timbul ialah apakah dialek-dialek ini telah dikaji secara terperinci atau sekadar andaian sahaja? Hal ini demikian kerana pengkaji tidak dapat mencari dokumentasi linguistik Remun, Sebuyau dan Balau, kecuali kosa kata asas dalam Ray (1913). Satu lagi persoalan yang muncul di ruang fikiran pengkaji ialah, apakah punca atau sebab berlakunya

ketidakefahaman? Adakah ia disebabkan oleh aspek leksikal, fonologi, tata bahasa dan perbezaan wacana atau gabungan beberapa aspek tersebut? Ray ketika mengulas tentang dialek ‘Dayak Laut’ termasuklah ‘Sibuyau’ dan Balau, dengan memetik kembali kenyataan yang dibuat oleh W. Howell (kom. per.), menyatakan dialek Iban ini dan dialek Iban yang lain (tetapi bukan Miliken) hanya mengandungi ‘perbezaan kecil dalam sebutan seperti bahasa Inggeris di daerah yang berbeza’ (Ray, 1913: 8). Soalnya, mengapakah demikian?

Inilah yang menjadi tanda tanya sehingga ke hari ini. Miliken (Remun) tidak pula dimasukkan oleh Ray dalam senarai dialek Dayak Laut. Hal ini terpampang jelas dalam senarai Ray tentang dialek ‘Dayak Laut’, dengan tambahan nota ‘ini menurut JC Moulton, campuran Dayak darat dan Laut’. Jelas sekali, ini menunjukkan Remun adalah Ibanik Sarawak yang paling berbeza. Cullip (2000: 2) bersetuju dengan penegasan bahawa ‘dialek Remun tidak dapat difahami oleh penutur Iban.’ Ini jelas tidak berlaku dalam komuniti Iban yang lain, kecuali Sebuyau (Kroeger, 1999). Sedikit ulasan yang boleh dibuat, yakni kita perlu mengakui bahawa deretan kajian lepas yang bercakap mengenai variasi linguistik dan kebolehfahaman antara rangkaian dialek Ibanik di Sarawak masih belum lengkap.

IBANIK DARI PERSPEKTIF ZARAH

Apabila berhadapan dengan pelbagai fenomena linguistik yang tidak dapat dijelaskan atau mustahil untuk difahami menggunakan perspektif medan atau gelombang, secara mudah kita juga boleh membuat kesimpulan bahawa perspektif zarah pun turut tidak mempunyai kuasa penjelasan. Hal ini dipersetujui oleh kebanyakan linguist, termasuklah Pike sendiri (Pike, 1959: 52). Menganalisis bahasa dengan mencantumkan bahagian komponen-komponennya yang terpisah samalah juga seperti menganalisis satu dialek dan membahagikan rantaian dialek ke dalam ‘bahasa’ yang semuanya bertujuan memaksimumkan kegunaannya.

Mungkin ada yang tertanya-tanya apakah faedah atau manfaat yang boleh diperoleh hasil daripada aktiviti ‘pemetaan bahasa’ yang dilakukan menurut perspektif ini? Salah satu hasilnya ialah, dalam dunia kontemporari, celik huruf terus mendapat perhatian yang penting. Walaupun dalam aspek kehidupan tidak formal, yang

memperlihatkan peranan media sosial yang semakin mendapat tempat yang tinggi, keupayaan menggunakan bahasa secara individu (lawan *lingua franca*) boleh menjadi rangsangan penting untuk memastikan jangka hayat bahasa terus subur. Akan tetapi, untuk membolehkan manusia menggunakan bahasa secara bertulis bukanlah hal yang mudah, malah perlu melalui proses yang berlapis-lapis dan rumit. Bermula daripada proses transkripsi bunyi kepada penghasilan aksara, kemudian pembentukan kata yang utuh sehinggalah menghasilkan sistem perkamusan, semuanya memakan masa yang lama. Namun, satu hal yang perlu kita sedar adalah tidak semua dialek mampu menyesuaikan sistem linguistiknya dengan tuntutan global pada hari ini dek kekurangan sumber. Untuk tujuan pembangunan, biasanya dialek dominan yang dipilih. Akan tetapi, sebelum memilih, kita perlu melakukan pemetaan rangkaian dialek terlebih dahulu. Tujuannya, untuk menentukan kebolehhangkauan dialek yang lemah bagi mencapai dialek yang lebih dominan.

Manfaat lain yang diperoleh hasil daripada pemetaan bahasa ialah kita dapat menganggarkan kepelbagaian linguistik yang ada di kawasan yang dikaji. Satu hal yang janggal dan dirasakan patut dipersoalkan adalah tentang kenyataan bahawa ‘wujud 30 bahasa di rantau ini dengan 300 bahasa di dalamnya’, sedangkan mereka sendiri tidak mempunyai kriteria standard untuk mentakrifkan bahasa. Bagaimana pula jika budaya tempatan sesuatu kawasan menunjukkan perbezaan yang minimal? Adakah ia juga dianggap sebagai bahasa? Pada ‘mereka’ setiap ragam yang kedengaran sedikit berbeza adalah ‘bahasa’. Barangkali mereka keliru antara bahasa dengan dialek. Kriteria yang lebih jelas untuk mentakrifkan ‘bahasa’ dari perspektif zarah boleh memberikan perbandingan merentas wilayah.

Apabila kita memmerhatikan perspektif ‘zarah’ yang terkenal iaitu penyenaian ‘bahasa’ Ibanik yang dibuat oleh kumpulan *Ethnologue*, tetapi kini dengan mengambil kira perspektif ‘gelombang’ dan ‘medan’, kita dapat melihat keperluan untuk menambah baik senarai yang ada. Satu perkara yang boleh dipertimbangkan untuk tujuan penambahbaikan, seperti yang dicadangkan oleh Collins (2004:29), ialah pengiktirafan Ketungau Sesat sebagai satu set varian yang sangat berbeza, yakni perbezaannya amat sukar dijejaki oleh ahli dialektologi. Kita juga boleh mempersoalkan adakah benar ‘empat bahasa Ibanik’ Sarawak lebih besar berbanding Ibanik lain di Kalbar? Berdasarkan Cullip (2000), Kroeger (1998) dan Anon (kom. per. 2015), masing-

masing mereka beranggapan bahawa Balau harus dikeluarkan sebagai bahasa (kononnya saling tidak dapat difahami) daripada daftar ISO.

Jadual 7 yang berikut memaparkan senarai *Ethnologue* bagi ‘zarah’ Ibanik yang telah disemak dan dinilai. Tulisan **tebal** menunjukkan ragam baharu yang ditambah, digariskan bermakna ia perlu dikaji lebih lanjut, dan dipotong bermakna ia harus dibuang daripada senarai asal.

Jadual 7

Cadangan Penambahbaikan Senarai Bahasa Ibanik dalam ISO 639-3

BAHASA	ISO	NEGARA	DIALEK
Iban (Dayak Laut)	iba	Malaysia	(Malaysia) <u>Saribas</u> , Batang Lupa, Bugau, Dau, Lemanak, Skrang, Ulu Ai, Undup, Balau (Brunei) <u>Batang Lupa</u> , Bugau (Indonesia) <u>Batang Lupa</u> , Bugau, Desa, Kantu', Ketungau (Air Tabun, Banjar, Demam, Maung, Sebaru', Sekapat, Seklau, Sesat, Sigarau)
Balau (Bala'u)	blg	Malaysia	
Remun	lkj	Malaysia	
(Milikin)			
<u>Sebuyau</u>		Malaysia	
(<u>Sibuyau</u>)	snb		
Mualang	mtd	Indonesia	Mualang Ili', Mualang Ulu, Ketungau (Air Tabun, Banjar, Demam, Maung, Sebaru', Sekapat, Sekalau, Sesat, Sigarau)
Seberuang	sbx	Malaysia	Seberuang Sintang, Seberuang Kapuas Hulu, Ensilat, Desa, Sekujam
Ketungau Sesat		Indonesia	

Beberapa perkara penting perlu dinyatakan tentang jadual ini. Pertama, penutur Bugau (iba) sememangnya dilaporkan terdapat di Malaysia dan Indonesia. Kedua, Saribas telah ditambah sebagai dialek Ibanik di Malaysia; manakala isu sama ada ia sudah muncul dalam senarai

dialek di bawah nama yang berbeza masih belum dapat dipastikan. Ketiga, Balau telah dikeluarkan sebagai bahasa yang berasingan dan ditambah sebagai dialek Ibanik. Keempat, dialek Desa telah dipindahkan daripada dialek Ibanik kepada dialek Seberuang [sbx]. Begitu juga Ketungau Sesat dan semua subdialek yang disenaraikan telah dipindahkan di bawah Mualang [mtd]. Ketungau Sesat telah dikeluarkan daripada senarai subdialek Ketungau dan membentuk entri bahasanya sendiri. Dua dialek Seberuang telah ditambah, iaitu Seberuang Sintang dan Seberuang Kapuas Hulu. Ada kemungkinan dialek Desa juga mempunyai subdialek tambahan yang lain. Ensilat juga telah ditambah ke dalam senarai dialek Seberuang, berdasarkan elisitasi linguistik ringkas dan input daripada responden yang ditemu bual. Sesuatu yang lebih kontroversi untuk diungkapkan ialah dialek Sekujam telah ditambah dalam senarai yang sama atas sebab-sebab berikut: Sekujam berkongsi beberapa persamaan linguistik dengan Seberuang, iaitu lebih dekat berbanding Mualang atau Kantuk, dan informan dialek menilai (Sintang) Seberuang sebagai dialek yang ‘paling difahami’, manakala penutur Sintang Seberuang pula menilai dialek Sekujam sebagai dialek yang paling kurang difahami atau ‘faham sedikit-sedikit sahaja’.

Walaupun beberapa isu berjaya diselesaikan, namun masih terdapat beberapa persoalan yang masih belum terjawab. Antaranya, apakah dialek Ibanik yang dituturkan di Brunei? Adakah dialek Batang Lupar benar-benar dituturkan di tiga buah negara? Jika Kroeger (1998) menyatakan bahawa dialek Saribas bagi Ibanik adalah piawai yang sebenar bagi bahasa rasmi di Sarawak, mengapa Saribas tidak muncul dalam senarai dialek Ibanik Malaysia yang dibuat oleh Ethnologue, dan patutkah ia ditambah, atau sekadar dialek lain diberi nama ganti? Adakah Sekujam sangat sesuai sebagai dialek sbx? Bercakap tentang sbx, patutkah ia terus dipanggil ‘Seberuang’, atau perlu ditukar nama kepada sesuatu seperti Desa-Seberuang. Memandangkan angka penduduk bagi Desa adalah berjumlah 41,000 manakala penduduk Seberuang, Ensilat dan Inggar Silat pula adalah 24,000? Mengenai judul bagi nama bahasa, patutkah rujukan untuk mtd ditukar kepada, katakan, Mualang-Ketungau, memandangkan jumlah penduduk bagi Ketungau adalah sekitar 41,000 manakala Mualang adalah 38,000?

Apabila satu ragam dianggap sebagai ‘bahasa’ dan satu lagi ‘hanya’ dianggap sebagai ‘dialek’ (atau diabaikan sepenuhnya sebagai dialek), kesan riak boleh melampaui alam ilmiah semata-mata. Walau bagaimanapun, mungkin sangat mustahil (dan mungkin tidak

digalakkan sama sekali), untuk menghapuskan sepenuhnya perspektif zarah sama ada dari wacana popular ataupun ilmiah. Satu penyelesaian, yang mungkin digemari oleh sarjana seperti Collins dan Chong Shin (dan ramai lagi), adalah untuk menekankan perspektif bukan zarah. Penyelesaian lain yang tidak saling eksklusif ialah menjadikan perspektif zarah sebagai sesuatu yang berasaskan kontekstual dan tepat secara empirik.

Walaupun kita membincangkan rangkaian dialek Ibanik dari perspektif ‘zarah’, satu fakta yang perlu kita ingat ialah perspektif ‘medan’ dan ‘gelombang’ jauh lebih penting. Sekurang-kurangnya itulah pendapat popular apabila perbincangan mengenai model tiga serangkai ini dipolemikkan oleh linguis. Sebagai mengambil jalan selamat, ada eloknya jika nasihat Mühlhäusler dicermati sebaiknya. Kata Mühlhäusler (1996), sikap sebahagian linguis yang agak terburu-buru membuat penilaian ilmiah terhadap satu-satu fenomena bahasa telah mengakibatkan beberapa ketidakseimbangan. Idea tentang bahasa dan penamaannya adalah sesuatu yang jauh lebih penting berbanding hanya mencapai objektif tertentu kerana ia boleh memberi kesan yang sangat serius terhadap ekologi linguistik sesebuah kawasan (Mühlhäusler, 1996: 5). Apabila sebuah ragam dianggap sebagai ‘bahasa’ dan satu lagi ‘hanya’ dianggap sebagai ‘dialek’ atau diabaikan sepenuhnya, ia memberi kesan yang serius, bukan hanya dalam tradisi keilmuan, malah yang lebih buruk ia mengganggu ekologi linguistik yang sedia ada. Mungkin agak mustahil untuk menghapuskan sepenuhnya perspektif zarah sama ada dari wacana popular atau ilmiah. Hal ini demikian kerana perspektif tersebut telah lama berakar dalam dunia linguistik tradisi dan telah sebatikan dengan kebanyakan linguis kontemporari. Satu penyelesaian yang mungkin boleh dilakukan adalah dengan menekankan perspektif bukan zarah. Hal ini turut disuarakan oleh Collins dan Chong Shin (dan ramai lagi). Penyelesaian lain adalah menjadikan perspektif zarah sebagai tatakaedah yang berasaskan kontekstual dan disokong oleh bukti empirik yang kukuh.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji telah melihat rangkaian dialek Ibanik dari tiga perspektif yang berbeza, iaitu medan, gelombang dan zarah. Setiap perspektif memberikan penjelasan yang agak berbeza tetapi

menarik tentang rangkaian dialek yang dikaji. Tiada satu pun daripada perspektif tersebut boleh dikatakan mencapai darjah ‘kesempurnaan’ dari aspek perinciannya. Maknanya, setiap perspektif tersebut adalah saling melengkapi dan perlu ada untuk menyempurnakan matlamat yang ingin dicapai. Dari perspektif medan, pengkaji melihat ragam atau dialek Ibanik sebagai sesuatu yang telah sedia tertanam dalam rangkaian pertuturan tempatan, serantau dan nasional, yang berfungsi secara dinamik dalam sebuah sistem yang sama. Dari perspektif gelombang pula, pengkaji melihat fenomena yang bergerak secara beransur-ansur dari kawasan ke kawasan, bertindih dan bercelaru daripada pengkategorian asal. Dari perspektif zarah, pengkaji melihat faedah praktikal dan cara untuk meningkatkan faedah tersebut.

Sudah pasti kajian lanjutan mengenai dialek Ibanik perlu dilaksanakan bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul. Antaranya:

- Mengapakah dialek Desa menunjukkan ketidakseragaman secara dalaman (secara leksikal), sedangkan informan tempatan telah menyatakan bahawa dialek Desa adalah seragam secara dalaman?¹¹
- Informan telah menyatakan bahawa Seberuang Kapuas Hulu agak berbeza daripada Seberuang Sintang, namun pengkaji tidak mempunyai data untuk mengesahkan dakwaan ini. Betapa berbezanya mereka? Perbezaan yang bagaimana? Bagaimanakah kebolehfahaman penutur boleh dipengaruhi (dalam pelbagai cara)?
- Alloy *et al.* (2008:115) melaporkan bahawa Desa merupakan dialek pendatang dari Sungai Desa di Kapuas Hulu (penamaan yang sama seperti dialek Seberuang di Sintang yang diambil sempena nama Sungai Seberuang, begitu juga dialek Kapuas Hulu). Dari segi bahasa, adakah ia lebih menyerupai dialek Ibanik Kapuas Hulu atau Sintang/Sekadau?
- Bagaimanakah kedudukan dalam ekologi linguistik Sarawak seperti Balau, Remun dan Sebuyau boleh digambarkan dari perspektif zarah, gelombang dan medan?
- Apakah ‘bahasa’ yang perlu ditambah (contohnya Ketungau Sesat?) atau dipadamkan (contohnya Balau) daripada daftar bahasa ISO 639-3? Bagaimana pula dengan persoalan ‘zarah’ yang dibangkitkan sebelum ini?
- Apakah wujud cahaya yang boleh dipancarkan oleh fonostatistik pada rangkaian dialek Ibanik?

¹¹ Collins (2004: 30) menyatakan bahawa ‘nampaknya terdapat sejumlah besar dialek Desa’.

Selain itu, pengkaji mengakui bahawa lebih banyak pemetaan dialek perlu dijalankan dalam rangkaian dialek Ibanik, khususnya menyelidiki persepsi penutur dialek Desa, Seberuang Kapuas Hulu, Iban dan Melayu di Kalbar, dan penutur Iban, Sebuyau, Remun dan Balau dan mungkin juga dialek Iban yang lain di Sarawak.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis bertanggungjawab menyelaraskan keseluruhan makalah ini.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Adelaar, K. A (1992). *Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. (Pacific Linguistics C-119). Australian National University.
- Adelaar, K. A (1993). The internal classification of the Malayic subgroup. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* 56(3), 566-581.
- Adelaar, K. A (2005). Structural diversity in the Malayic subgroup. Dlm. K. Alexander Adelaar & Nikolaus Himmelmann (Eds.), *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*, 202-226. Routledge.
- Akter, Md. Zahid. (2008). Can we save the indigenous minority languages? The case of the Remun language of Sarawak, Malaysia. *The Asian Scholar* (5), 34 pp.
- Alloy, Sujarni, Albertus & Chatarina Pancer Istiyani. (2008). *Mozaik Dayak: Keberagaman subsuku dan bahasa Dayak*. (Ed.) John Bamba. Institut Dayakologi.
- Aman Rahim. (2006). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderbeck, Karl & Bernard S. (2015). Pattern in the patchwork? The interface between social history and dialectology in a long-established dialect network (Melawi River basin, West Kalimantan). Paper presented at the Thirteenth International Conference of Austronesian Linguistics (13-ICAL), Taipei.
- Beaugrande, Robert de. (1991). *Linguistic theory: The discourse of fundamental works*. Longman.
- Blommaert, Jan & Pan Lin. (2007). Towards an ecology of the world's languages (review). *Journal of Sociolinguistics* 11(3), 427-429.
- Calvet, Louis-Jean. (2006). *Towards an ecology of world languages*. (Trans.) Andrew Brown. Polity.
- Chambers, J.K. & Peter Trudgill. (1998). *Dialectology*. (2nd ed.) Cambridge University Press.
- Chong Shin. (2002). Sosiolinguistik golongan minoriti di Sekadau, Kalimantan Barat. *Dewan Bahasa* 2(6), 51-57.
- Chong Shin. (2005). *Masyarakat multilingual dan pemilihan bahasa minoriti Cina di Pekan Sekadau, Pulau Borneo*. Disertasi Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chong Shin. (2006). Menilai distribusi dan ciri linguistik varian Ibanik. Dlm. Chong Shin, Karim Harun & Yabit Alas (Eds.),

- Reflections in Borneo rivers: essays in honour of Professor James T. Collins*, I, 97-109. STAIN Pontianak Press.
- Chong Shin. (2007). Masyarakat Tionghoa Kalimantan Barat: Tinjauan pemilihan bahasa di kota Sekadau. *Linguistik Indonesia* 25(1), 19-33.
- Chong Shin. (2009). The Ibanic languages of western Borneo: Additional linguistic data. *Sarawak Museum Journal* 66(87), 97-118.
- Collins, J. T. (1997). The Malays and non-Malays of Kalimantan Barat: Evidence from the study of language. Paper presented at the *International Conference on Tribal Communities in the Malay World*, Singapore, International Institute of Asian Studies.
- Collins, J. T. (2004). Ibanic languages in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin* 35, 17-47.
- Collins, J. T. (2005). The praxis of language choice among Benawas speakers: Towards understanding multilingualism in western Borneo. Paper presented at the SEASREP 10th Anniversary Conference, Chiang Mai.
- Cullip, P. (2000). Language use and attitudes of the Remun of Sarawak: Initial explorations. *Sarawak Museum Journal* 55(76), 1-44.
- Garner, M. (2005). Language ecology as linguistic theory. *Kajian Linguistik dan Sastra* 17(33), 91-101.
- Grimes, Barbara F. (1974). *Ethnologue* 08. 8th ed. Wycliffe Bible Translators, Inc.
- Grimes, B. F. (1988). *Ethnologue: Languages of the world* 11. SIL International.
- Hasselbring, Sue. (2012). *Nine participatory tools for use with partners*. Unpublished ms.
- Hudson, Alfred B. (1970). A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak languages in western Borneo. *Sarawak Museum Journal* 18(36-37), 301-318.
- Huson, D. H. (1998). *SplitsTree: Analyzing and visualizing evolutionary data*. Bioinformatics (Oxford, England) 14. 68-73.
- King, Victor. (1974). Some suggestions for future research in West Kalimantan. *Borneo Research Bulletin* 6(32), 31-38.
- King, Victor. (1979). *Ethnic classification and ethnic relations: A Borneo case study*. Centre for Southeast Asian Studies, University of Hull.
- Kroeger, Paul. (1998). Language classification in Sarawak: A status report. *Sarawak Museum Journal* LIII(74), 137-173.

- Kumar, Somesh. (2002). *Methods for community participation: A complete guide for practitioners*. ITDG Publishing.
- Kurniawati, Wati. (2002). *Kosa kata dasar Swadesh di kabupaten Sanggau dan Sintang*. Pusat Bahasa.
- Labov, William. (1963). The social motivation of a sound change. *Word* 19, 273-309.
- Lam, Chee Kheung. (2006). *The Iban population of Sarawak: 1947-2000*. (Working Paper Series). Institute of East Asian Studies.
- Lewis, M. Paul, Gary Simons & Chuck Fennig (Eds.). (2013). *Ethnologue: languages of the world*. SIL International.
- McDowell, J., & Anderbeck, K. (2008). *Bhinnêka tunggal ika: Unity in diversity. Malayic varieties of southern Sumatra*. Unpublished draft.
- Mühlhäusler, Peter. (1996). *Linguistic ecology: Language change and linguistic imperialism in the Pacific region*. Routledge.
- Nothofer, B. (1988). A discussion of two Austronesian subgroups: Proto-Malay and ProtoMalayic. Dlm. Mohd. Thani Ahmad & Zaini Mohamed Zain (Eds.), *Rekonstruksi dan cabangcabang bahasa Melayu induk*, 34-58. (Monografi Sejarah Bahasa Melayu). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nothofer, Bernd. (1995). Dialek Melayu di Kalimantan dan di Bangka: Misanan atau mindoan? Dlm. Soenjono Dardjowidjojo (ed.), *PELLBA 8. Pertemuan Linguistik Pusat Kajian Bahasa dan Budaya Atma Jaya Kedelapan*, 53-84. Jakarta: Atmajaya University.
- Omar, Ariffin & Teoh Boon Seong. (1995). Marginalization of language: the case of Iban in Sarawak. Dlm. Peter W. Martin (Ed.), *Shifting patterns of language use in Borneo: Papers from The Second Biennial International Conference Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia July, 1992*, vol. 3, 117-129. Borneo Research Council.
- Pike, Kenneth. (1959). Language as particle, wave, and field. *The Texas Quarterly* 2(2), 37-54.
- Pike, Kenneth. (1967). *Language in relation to a unified theory of the structure of human behavior*. 2nd ed. (Janua Linguarum XXIV). Mouton.
- Ray, Sidney. (1913). The languages of Borneo. *Sarawak Museum Journal* 1 (1911-1913)(4), 1-196.
- Sellato, Bernard. (1986). An ethnic sketch of the Melawi area of West Kalimantan. *Borneo Research Bulletin* 18(1), 46-58.
- Sellato, Bernard. (2006). Seawards, landwards: Can we make historical sense of the Borneo as the Homeland of Malay

- hypothesis? Dlm. James T. Collins & Awang Sariyan (Eds.), *Borneo and the Homeland of the Malays: Four essays*, 102-110. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sercombe, Peter. (2001). *Tongues in use: The case of two Southeast Asian boundary communities - The role of Iban and other languages within and between Ibans in Brunei and Sarawak in Malaysia*. Dlm. Karen Adams & Thomas Hudak (Eds.), 319-347. Arizona State University, Program for Southeast Asian Studies.
- Shaharir Mohamad Zain. (2022). Beberapa isu pemeribumian linguistik bahasa Melayu. *Rentas: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 1-49. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.1>
- Smith, Alexander. (2017). *The languages of Borneo: A comprehensive classification*. Ph.D dissertation. University of Hawaii.
- Stokhof, W. A. L. (Ed.). (1986). *Holle Lists: Vocabularies in languages of Indonesia, Vol. 8: Kalimantan (Borneo)*. (Pacific Linguistics D-69). Australian National University.
- Truong, Christina Lai & Lilian Garcez. (2012). Participatory methods for language documentation and conservation: Building community awareness and engagement. *Language Documentation & Conservation* 6, 22-37.
- Wadley, Reed. (2000). Reconsidering an ethnic label in Borneo: The "Maloh" of West Kalimantan, Indonesia. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 156(1), 83-101.
- Wimbish, John S. (1989). *WORDSURV: A program for analyzing language survey word lists*. (Occasional Publications in Academic Computing 13). SIL International.
- Wurm, Stephen & Shirô Hattori. (1983). *Linguistic atlas of the Pacific area*. (Pacific Linguistics C-66-7). Australian Academy of the Humanities in collaboration with the Japan Academy.
- Yusriadi. (2007). *Dialek Melayu Ulu Kapuas*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusriadi. (2009). *Bahasa Melayu di pedalaman Kalimantan Barat*. Disertasi Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.